

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

AKP 401 - Pengauditan

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah LIMA.

BAHAGIAN A. Jawab SEMUA soalan.

1. Bayar Cepat Sdn. Bhd.

Maklumat latarbelakang

Kerani akaun Bayar Cepat Sdn. Bhd., Cik Bijak telah secara penipuan berjaya mengeluarkan wang melalui pembayaran "2 kali" kepada seorang pembekal. Pakatan dengan En. Besar, kerani akaun pembekal telah dibuat untuk mendapatkan 2 salinan asal invois. Kemudian Cik Bijak menggunakan semula resit penghantaran bersama dengan invois salinan asal kedua sebagai menyokong pembayaran yang kedua. En. Besar kemudiannya akan menunaikan cek yang dihantar oleh Cik Bijak kepadanya melalui tunai runcit dan membahagikan wang itu dengan kawan karibnya Cik Bijak.

Sejumlah \$10,000 telah berjaya didapatinya melalui cara ini disepanjang tempoh 2 tahun secara beransur-ansur.

...2/-

Rekod dan Tatacara Penting Bayar Cepat Sdn. Bhd.

Setiap bulan syarikat Bayar Cepat Sdn. Bhd. membeli bekalannya daripada 50 orang pembekal. Belian merupakan barang-barang kecil berharga rendah. Belian purata berjumlah \$30,000 sebulan.

Pengurus syarikat sangat berbangga kerana syarikat dapat membayar kepada pembekal-pembekal dengan cepat. Peraturan dibuat supaya Cik Bijak menyemak akaun-akaunnya dan menyediakan pembayaran setiap minggu dan bukan setiap bulan. Dengan cara ini, Pengurus syarikat mendapati syarikat telah menerima beberapa diskau yang tidak mungkin diperolehi jika syarikat mengikuti amalan lama dengan membayar akaunnya secara bulanan.

Semua barang diterima oleh kerani penerimaan yang akan menyediakan nota penerimaan dan ia akan menghantarkannya kepada kerani akaun. Kerani akaun, Cik Bijak pula akan menyemak nota penerimaan dengan invois yang berkaitan, mengepulkan nota penerimaan dengan cek kepada pembekal bagi jumlah yang ditunjukkan dalam invois. Setelah itu, pengurus yang selalu sibuk dengan tugasnya akan meneliti invois itu, membandingkannya dengan jumlah dalam cek, menandatangani cek dan memberikannya kepada kerani akaun. Kerani akaun akan membuat catatan dan kemudian menghantarkan cek kepada pembekal.

Bagaimana penipuan dijalankan

Cik Bijak telah berpaktat dengan En. Besar, seorang kerani akaun pembekal untuk mengeluarkan 2 salinan invois bagi beberapa bekalan yang akan dihantarkan kepada syarikat. Belian purata belian dengan pembekal itu ialah \$2,000 sebulan.

Semua barang yang dibeli akan diterima di kilang, dan nota penerimaan disediakan dan pembayaran dibuat dengan cara biasa. Seminggu kemudian, kerani akaun akan mengambil salinan asal invois kedua dan akan mengepilkannya dengan nota penerimaan untuk menyokong pembayaran kedua. Cek akan disediakan bagi invois kedua dan akan diberikan kepada pengurus untuk ditandatangani bersama-sama dengan 50 cek lain serta invois-invois yang dikepalkan.

Kerani akaun pembekal En. Besar juga ditugaskan untuk membuka surat penerimaan. Apabila cek kedua tiba, En. Besar akan mengambil dari wang tunai runcit sejumlah wang yang sama dengan jumlah cek itu dan mencatatkan cek itu didalam buku tunai runcitnya. Cek hanya akan dihantarkan ke bank selepas wang tunai runcit digantikan pada akhir bulan. En. Besar akan membahagikan wang ini dengan Cik Bijak, bila mereka bersiar-siar di bandar bersama.

Senaraikan kelemahan kawalan dalaman di dalam kedua-dua buah syarikat tersebut. Apakah cadangan anda bagi menghindarkan penipuan itu berulang lagi?

[20 markah]

2. (a) Mengikut Peraturan Pengauditan Antarabangsa, IAG II,

"Penghindaran dan pengesanan penipuan dan kesilapan adalah tanggungjawab pengurusan dan pihak pengurusan memenuhi tanggungjawab ini dengan mengadakan suatu sistem kawalan dalaman yang mencukupi".

Walau bagaimanapun, juruaudit seringkali dipersalahkan apabila berlaku penipuan di dalam sesebuah organisasi. Bincangkan.

(b) Teknik persampelan statistik kadangkala digunakan di dalam pengauditan. Sesuatu sampel diambil dan dianalisiskan supaya dapat memberi gambaran mengenai keseluruhan populasi. Walau bagaimanapun, oleh kerana keseluruhan populasi tidak diambil, akan terjadi risiko bahawa gambaran atau keputusan yang dicapai tidak mewakili keadaan yang sebenar. Jadi, apakah kepentingannya menggunakan teknik persampelan ini?

(c) Barang yang dinilaikan pada harga \$40,000 telah dihantarkan dari Kuala Lumpur pada 20hb. Jun dan tiba di gudang penyimpanan barang pembeli pada 4hb. Julai. Invois telah diterima pada 30hb. Jun tetapi tidak di catatkan didalam jurnal belian sehingga 7hb. Julai, selepas barang itu disimpan.

Andaikan tahun kewangan berakhir pada 30hb. Jun.

- i) Bilakah barang itu patut dimasukkan ke dalam stok?
ii) Apakah yang dimaksudkan dengan tatacara penggalan?
- (d) Tuliskan nota ringkas mengenai:
- (i) Persampelan "PPS"
 - (ii) Peristiwa selepas kunci kira-kira
 - (iii) Surat pengurusan

[20 markah]

3. (a) Meor dan Meon adalah juruaudit sebuah Pusat kesihatan. Pusat Kesihatan ini merupakan sebuah badan swasta dan memberikan perkhidmatan seperti makanan untuk orang-orang tua, kelas senaman, kelas masakan, perkhidmatan perubatan dan pergigian. Sebahagian besar daripada kos pusat terdiri daripada gaji. Kakitangan pentadbiran pusat terdiri daripada seorang pengurus dan seorang pembantu kerani. Pihak Pengurusan adalah bertanggung-jawab terhadap operasi harian pusat sementara polisi ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan yang telah ditubuhkan. Pembantu kerani mencatatkan kesemua penerimaan dan pembayaran di dalam buku tunai dan pihak pengurusan menjumlahkan, mengodkan dan mencatatkan di dalam lejar am setiap bulan. Pada akhir tahun, Meor dan Meon mengauditkan Penyata Kewangan pusat daripada maklumat di dalam lejar Am.

Selepas tamat pengauditian penyata kewangan, pembantu audit menghantarkan akaun-akaun kepada Pengurus pusat untuk diluluskan oleh jawatankuasa dan ditandatangani oleh bendahari. Pengurus terkejut kerana akaun-akaun belum lagi ditandatangani oleh juruaudit.

Pengurus itu berkata,
"Anda telah menyediakan akaun-akaun ini dan mengauditnya dan dengan sebab itu anda seharusnya menandatangani laporan sebelum menyerahkan kepada jawatankuasa".

Pembantu audit membawa balik akaun-akaun itu ke pejabat untuk ditandatangani.

...5/-

- i) Apakah peraturan atau standard dan akta syarikat atau badan profesyen yang memberikan panduan terhadap hal ini?
 - ii) Sebagai juruaudit, adakah anda akan menandatangani laporan sebelum penyata kewangan diluluskan oleh Jawatankuasa? Nyatakan pendekatan yang akan anda gunakan di dalam keadaan tersebut.
- (b) Ali, seorang juruaudit sedang mengaudit Syarikat BBQ bagi tahun berakhir 31hb. Disember 1987. Ali telah memahami struktur kawalan dalaman yang berhubung dengan pembelian, penerimaan, akaun belum bayar dan pusingan pembayaran tunai dan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan dengan sebarang ujian ke atas kawalan dalaman. Berdasarkan kepada peraturan analitikal, Ali percaya bahawa baki akaun belum bayar dikunci kira-kira pada 31hb. Disember 1987, berkemungkinan kurang dinyatakan.

Ali meminta jadual akaun belum bayar yang menyenaraikan jumlah yang dihutang kepada setiap pembekal.

Ali bercadang memakai tatacara audit substantif tambahan untuk memeriksa akaun belum bayar tersebut. Terangkan apakah langkah yang Ali perlu jalankan?

- (c) Arthur Bettauer didalam artikelnya "External Control - A Necessary Supplement to Internal Control" telah menulis tentang perbezaan di antara kawalan dalaman dan luaran.
- (i) Jelaskan perbezaan ini.
 - (ii) Huraikan 3 cadangan bagi memperbaiki kawalan luaran.

[20 markah]

...6/-

BAHAGIAN B

Jawab **DUA** soalan sahaja.

4. (a) Seorang juruaudit telah pergi berjumpa dengan pengurus Syarikat Agensi Keris dan memberitahunnya,

"Saya telahpun menilai kawalan dalaman syarikat anda dan mendapati bahawa ada beberapa sistem kawalan dalaman yang tidak dipatuhi melalui ujian pematuhan yang telah dijalankan. Dengan itu saya akan memperbanyakkan lagi ujian substantif bagi memastikan bahawa ada kawalan pengganti yang boleh menolong menghindari sesuatu kesilapan material berlaku".

Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan

- (i) Kawalan dalaman syarikat
- (ii) Menilai kawalan dalaman
- (iii) Ujian pematuhan
- (iv) Ujian substantif
- (v) Kesilapan material
- (vi) Kawalan pengganti

- (b) Encik Al-Jeffri telah dilantik sebagai juruaudit Berjaya Kawat Bhd., sebuah syarikat awam. Ia telah ditemui oleh jawatankuasa audit lembaga pengarah dan telah berhubung dengan juruaudit syarikat terdahulu sebelum bersetuju untuk menerima perlantikan itu. Ia telah pun menghadiri mesyuarat pemegang saham dimana ia telah dilantik secara formal.

- (a) Apakah fungsi jawatankuasa audit?
- (b) Huraikan perkara yang perlu diberi perhatian oleh Encik Al-Jeffri dari masa perlantikannya sehingga permulaan kerja audit untuk membolehkannya merancang suatu audit yang berkesan ke atas syarikat awam itu.

[20 markah]

5. (a) (i) Apakah standard, akta atau peraturan yang digunakan oleh badan firma perakaunan di Malaysia di dalam menjalankan pengauditan di sektor awam dan swasta?

...7/-

- (ii) Adakah juruaudit yang sama boleh menjalankan pengauditan di sektor awam dan swasta?
- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan GAAS dan GAAP?
- (b) Bagaimanakah model risiko audit boleh menolong menambahkan pengetahuan dan pemahaman proses audit dan menolong melicinkan lagi proses pengauditan?
- (c) R.K. Mautz di dalam artikelnya "Evidence, Judgment, and the Auditors Opinion" telah menjelaskan beberapa langkah yang dianggap penting diikuti sebelum seseorang juruaudit boleh mengeluarkan pendapatnya. Bincangkan langkah-langkah ini.

[20 markah]

6. (a) Menurut Stettler,

"Secara tradisi, saiz sampel ditentukan melalui pertimbangan juruaudit di atas bilangan ujian yang boleh dianggap mencukupi. Seperti seni-seni lain, ada beberapa prinsip asas yang perlu diambilkira di dalam merekabentuk kerja yang perlu dijalankan, tetapi tiada teknik formal yang digunakan untuk mengurangkan pertimbangan juruaudit yang terlibat. Juruaudit tidak akan menggunakan sebarang teknik yang boleh mengurangkan pertimbangan didalam kerja persampelan sepertimana seorang pelukis yang tidak akan menggunakan carta warna sebagai panduan di dalam mencampuradukkan bahan warnanya".

- i) Berikan pandangan anda mengenai kenyataan diatas.
- ii) Berikan faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam pemilihan sampel.
- iii) Bincangkan samaada seseorang boleh menilai keputusan sampel secara statistik walaupun saiz sampel itu telah ditentukan mengikut pertimbangan juruaudit?

- (b) D.V. DeJong dan J.H. Smith (1984) menterjemahkan: "Agency theory might be used to anticipate the outcome of court cases and prepare for future changes in audit responsibilities".

Bagaimakah teori agensi ini boleh membantu juruaudit melaksanakan tanggungjawabnya.

[20 markah]

---0000000000---